

PROGRAM BANTUAN BAYARAN JULAI 2021 CIMB – Untuk Pinjaman/Pembiayaan Auto/-i

15 JULAI 2021

No.	Soalan	Jawapan
1	Bagaimanakah CIMB membantu para pelanggan yang terkesan ketika waktu ini?	<p>Sejajar dengan pengumuman oleh Kerajaan Malaysia pada 28 Jun 2021, kami telah memperluaskan Program Bantuan Bayaran kami.</p> <p>Kami menawarkan pilihan bantuan yang berikut untuk pelanggan kami dengan Pinjaman/Pembiayaan Auto/-i:</p> <ul style="list-style-type: none">• Pilihan 1: Moratorium (penangguhan bayaran) selama 6 bulan dengan lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan selama 6 bulan; atau• Pilihan 2: Moratorium (penangguhan bayaran) selama 3 bulan dengan lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan selama 3 bulan; <p>Kami menggesa pelanggan yang memerlukan bantuan untuk menghubungi kami bagi membincangkan pilihan bantuan kewangan yang bersesuaian. Pelanggan diberi jaminan bahawa sebarang bantuan kewangan yang mereka pilih tidak akan mempengaruhi status CCRIS (“Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat”) mereka.</p>
2	Siapakah yang layak menyertai Program ini?	Semua pelanggan yang terkesan dari pandemik ini.
3	Adakah saya akan didaftarkan secara automatik untuk Program ini?	<p>Tiada pendaftaran automatik untuk Program ini. Jika anda ingin menyertai Program bantuan ini, sila:</p> <ul style="list-style-type: none">• Membuat permohonan dalam talian melalui eForm di laman web Covid-19 support kami www.cimb.com.my/covid19support untuk kelulusan segera dan lancar.• Sebagai alternatif, anda juga boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788 atau mengunjungi cawangan CIMB atau e-mel kami di covidcare@cimb.com
4	Bagaiman pula dengan produk pinjaman/pembiayaan yang lain, adakah ia termasuk dalam program ini?	Pinjaman/pembiayaan yang lain adalah sebahagian daripada Program Bantuan Bayaran kami, anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program Bantuan Bayaran di laman web kami www.cimb.com.my/covid19support

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

5	Bilakah Program ini akan bermula?	<p>Anda boleh membuat pilihan yang tersedia di bawah Program mulai dari 7 Julai 2021 dan seterusnya. Bantuan daripada Program ini akan bermula pada bulan yang seterusnya selepas pilihan / pengesahan pilihan anda.</p> <p>Jika anda membuat permohonan untuk menyertai Program ini pada bulan Julai 2021 dan inginkan bantuan program ini untuk bermula pada bulan yang sama, sila menghubungi kami.</p>
6	Sekiranya saya memilih untuk mendaftar dalam moratorium (penangguhan ansuran) 3 bulan, bolehkah saya mendapat penangguhan selama 3 bulan lagi setelah tamat tempoh ini?	<p>Anda boleh memilih bantuan bayaran moratorium 6 bulan yang telah tersedia.</p> <p>Sekiranya anda memilih untuk meneruskan moratorium (penangguhan ansuran) 3 bulan, berikut adalah pilihan-pilihan selepas 3 bulan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pilih moratorium (penangguhan ansuran) 3 bulan sekali lagi, dengan syarat Program Bantuan Bayaran masih ditawarkan pada masa itu. • Hubungi kami untuk membincangkan pilihan bantuan selanjutnya.
7	Ketika ini, saya masih berdaftar dalam program Bantuan Bayaran yang lain, bolehkah saya menyertai Program ini?	Boleh. Namun begitu, harap maklum bahawa akaun pembiayaan anda hanya boleh didaftarkan dalam satu program bantuan bayaran sahaja pada satu masa.
8	Ketika ini, saya telah berdaftar dalam program yang bermula pada bulan Jun 2021, bolehkah saya menyertai program ini?	<p>Ya, anda boleh menyertai program ini. Namun begitu, harap maklum bahawa anda hanya boleh menyertai satu program pada satu masa. Dengan ini, anda mempunyai tiga pilihan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Segera beralih ke Program Bantuan Bayaran dan pilih salah satu daripada 2 pilihan. Rujuk S1. • Tunggu sehingga program semasa berakhir dan kemudian sertai Program Bantuan Bayaran, sekiranya ianya masih dibuka untuk penyertaan. • Hubungi kami untuk membincangkan pilihan bantuan selanjutnya. Rujuk Q3.

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

9	Adakah program ini juga terpakai kepada Pembiayaan Auto yang baru diluluskan / baru dikeluarkan?	<p>Ya, jika anda memerlukan bantuan, sila hantar permohonan anda dengan mengisi eForm di laman web kami www.cimb.com/covid19support</p> <p>Kami akan menghubungi anda dalam masa 5 hari kalendar (tidak termasuk hari Sabtu, ahad dan cuti umum) untuk mengatur pelaksanaan Perjanjian Variasi (Variation Agreement).</p>
10	Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen untuk memohon?	Tidak perlu.
11	Adakah saya akan dikenakan bayaran tambahan sekiranya saya menyertai program ini?	<p>Program ini disediakan untuk memberi bantuan segera kepada anda, dalam menghadapi wabak ini. Namun dalam jangka masa panjang, terdapat kos pinjaman/ pembiayaan tambahan kerana tempoh pinjaman/ pembiayaan anda akan dilanjutkan.</p> <p>Sila maklum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akan terdapat caj faedah/keuntungan/terma tambahan yang akan dikenakan untuk menyertai Program ini. • Kami akan mengira caj terma tambahan berdasarkan kadar kontrak yang ditunjukkan dalam Perjanjian Sewa Beli dan akan menghubungi/memberitahu anda mengenai caj syarat tambahan. • Untuk memastikan tiada bebanan kewangan kepada anda dalam masa yang terdekat, caj tambahan akan menjadi sebahagian daripada ansuran terakhir anda. • Sekiranya berlaku penyelesaian awal, caj tambahan ini akan diprorata. <p>Untuk membuat keputusan yang tepat, sila rujuk Jadual A untuk senarai faktor yang patut dipertimbangkan sebelum anda menyertai program ini.</p>
12	Bagaimana dengan caj faedah/keuntungan/terma semasa tempoh moratorium/penangguhan?	Caj faedah/keuntungan/terma masih akan dikenakan semasa tempoh moratorium/penangguhan tetapi tidak akan dikompaun.

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

13	Adakah saya perlu menandatangani sebarang dokumen untuk Program ini?	<p>Ya, kami akan menghubungi anda dalam masa 5 hari kalendar (tidak termasuk hari Sabtu, ahad dan cuti umum) untuk mengatur pelaksanaan Perjanjian Variasi (<i>Variation Agreement</i>).</p> <p>Terma-terma yang telah disemak semula hanya akan berkuat kuasa apabila Perjanjian Variasi (<i>Variation Agreement</i>) telah dilaksanakan dan maklumat akaun anda telah dikemas kini oleh pihak Bank. Anda perlu menandatangani Perjanjian Variasi (<i>Variation Agreement</i>) dengan penjamin anda (jika ada) secara elektronik atau fizikal di mana-mana pusat Kewangan Auto kami.</p>
14	Bolehkah saya menukar pilihan saya selepas menerima program ini?	Sila hubungi kami di 03-2037 4818 untuk bantuan lanjut.
15	Saya mempunyai beberapa pinjaman/pembiayaan dengan CIMB, adakah bantuan ini terpakai kepada semua pinjaman/pembiayaan atau untuk yang tertentu sahaja?	<p>Anda diperlukan untuk membuat permohonan yang berasingan untuk setiap akaun pinjaman/pembiayaan yang mana anda perlukan bantuan.</p> <p>Untuk mendapatkan kelulusan segera dan lancar, sila buat permohonan anda melalui eForm yang terdapat di laman web Covid-19 support kami www.cimb.com.my/covid19support</p>
16	Bagaimana pula dengan pindahan dana automatik atau arahan tetap saya?	<p>Jika terdapat arahan tetap dengan CIMB atau bank lain, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda sewajarnya dengan Bank yang demikian.</p> <p>Jika anda mempunyai pindahan dana automatik, ianya akan dikemas kini mengikut pilihan yang dibuat melainkan jika diberitahu oleh pihak Bank.</p>
17	Adakah ianya lebih baik atau tidak untuk saya menyertai program ini?	Kami ingin anda membuat keputusan yang tepat dan telah menyenaraikan faktor-faktor yang patut dipertimbangkan di dalam jadual A.
18	Adakah saya dibenarkan untuk menyemak semula bayaran bulanan sekiranya keadaan kewangan saya bertambah baik?	<p>Ya, anda digalakkan untuk menghubungi kami secepat mungkin apabila keadaan kewangan anda bertambah baik.</p> <p>Sila hubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788 atau mengunjung cawangan kami atau e-mel kami di covidcare@cimb.com</p>

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

		Sebagai peringatan, semakan semula bayaran bulanan akan dapat membantu untuk mengurangkan kos keseluruhan pinjaman/pembiayaan.
19	Saya tidak dapat membayar jumlah ansuran terakhir pada akhir pinjaman/pembiayaan saya.	Kami mengesyorkan anda menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran (contoh, tempoh pinjaman/pembiayaan dilanjutkan).
20	Apa yang akan berlaku sekiranya saya sudah mempunyai perlindungan Insurans / Takaful untuk Pembiayaan Auto saya?	Harap maklum bahawa jangka masa perlindungan Insurans / Takaful anda tidak akan dilanjutkan secara automatik berikutan sebarang lanjutan tempoh pinjaman / pembiayaan anda kerana program bantuan ini. Anda boleh melanjutkan jangka masa perlindungan anda agar sejajar dengan tempoh pinjaman / pembiayaan yang telah dilanjutkan dengan menghubungi syarikat perlindungan Insurans / Takaful masing-masing.

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

Jadual A: Pembiayaan Auto – Membuat keputusan yang tepat

	Tawaran Program	
	Moratorium (penangguhan bayaran) selama 6 bulan	Moratorium (penangguhan bayaran) selama 3 bulan
Caj faedah/keuntungan (“Caj Terma”) yang perlu dibayar	<p>Untuk Pembiayaan Konvensional dan Islamik, bahagian caj faedah/keuntungan/terma masih akan dikenakan semasa tempoh penangguhan ansuran selama 6 bulan tetapi ianya tidak akan dikompaun.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan sepenuhnya mengikut ansuran bulanan semasa anda.</p> <p>Bayaran ansuran bulanan akan diperuntukkan untuk membayar caj faedah/keuntungan/terma dahulu (termasuk yang terakru jika berkenaan) sebelum diperuntukkan untuk melunaskan bahagian pokok.</p> <p>Caj terma tambahan akan dikenakan, ianya akan dikira berdasarkan kadar kontrak rasmi yang dinyatakan dalam Perjanjian Sewa Beli anda dan akan perlu dibayar dalam satu jumlah sekaligus bersama dengan bayaran ansuran terakhir anda. Sekiranya berlaku penyelesaian awal, caj tambahan ini akan diprorata. Caj tambahan tersebut akan dinyatakan dalam Perjanjian Variasi (<i>Variation Agreement</i>) yang akan ditandatangani oleh anda dan penjamin anda (jika ada).</p>	<p>Untuk Pembiayaan Konvensional dan Islamik, bahagian caj faedah/keuntungan/terma masih akan dikenakan semasa tempoh ansuran penangguhan 3 bulan tetapi ianya tidak akan dikompaun.</p> <p>Pada akhir tempoh 3 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan sepenuhnya mengikut ansuran bulanan semasa anda.</p> <p>Bayaran ansuran bulanan akan diperuntukkan untuk membayar caj faedah/keuntungan/terma (termasuk yang terakru jika berkenaan) dahulu sebelum diperuntukkan untuk melunaskan bahagian pokok.</p> <p>Caj tambahan akan dikenakan, ianya akan dikira berdasarkan kadar kontrak rasmi seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Sewa Beli anda dan akan perlu dibayar dalam satu jumlah sekaligus dengan bayaran ansuran terakhir anda. Sekiranya berlaku penyelesaian awal, caj tambahan ini akan diprorata. Caj tambahan tersebut akan dinyatakan dalam Perjanjian Variasi (<i>Variation Agreement</i>) yang akan ditandatangani oleh anda dan penjamin anda (jika ada).</p>
Bayaran bulanan yang belum dibayar	<p>Untuk Kemudahan yang disediakan oleh CIMB Bank Berhad, semua tunggakan dan jumlah faedah terakru sebelum permulaan tempoh Penangguhan, jika ada, akan ditambahkan ke dalam jumlah pokok yang belum dijelaskan dari Kemudahan ini pada permulaan Tempoh Penangguhan.</p> <p>Untuk Kemudahan yang disediakan oleh CIMB Islamic Bank Berhad, semua tunggakan dan jumlah keuntungan terakru sebelum permulaan Tempoh Penangguhan, jika ada, akan dibawa ke hadapan dan ditambahkan ke dalam jumlah obligasi hutang Kemudahan ini. Walau bagaimanapun, jumlah keuntungan terakru tidak akan ditambahkan ke dalam jumlah pokok Kemudahan yang belum dijelaskan dan tidak akan dikompaun, kecuali untuk pelbagai caj-caj yang lain.</p>	<p>Untuk Kemudahan yang disediakan oleh CIMB Bank Berhad, semua tunggakan dan jumlah faedah terakru sebelum permulaan tempoh Penangguhan, jika ada, akan ditambahkan ke dalam jumlah pokok yang belum dijelaskan dari Kemudahan ini pada permulaan Tempoh Penangguhan.</p> <p>Untuk Kemudahan yang disediakan oleh CIMB Islamic Bank Berhad, semua tunggakan dan jumlah keuntungan terakru sebelum permulaan Tempoh Penangguhan, jika ada, akan dibawa ke hadapan dan ditambahkan ke dalam jumlah obligasi hutang Kemudahan ini. Walau bagaimanapun, jumlah keuntungan terakru tidak akan ditambahkan ke dalam jumlah pokok Kemudahan yang belum dijelaskan dan tidak akan dikompaun, kecuali untuk pelbagai caj-caj yang lain.</p>

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

Tempoh pinjaman/ pembiayaan	Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 6 bulan.	Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan.
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<p data-bbox="407 306 854 390">Dalam jangka masa terdekat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana tidak perlu membayar selama 6 bulan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="423 422 854 506">✓ Selepas program berakhir, anda perlu membayar ansuran bulanan mengikut ansuran bulanan semasa anda. <li data-bbox="423 537 854 621">✓ Jumlah caj faedah/keuntungan/terma akan meningkat oleh sebab anda menyertai program ini. <li data-bbox="423 653 854 737">✓ Anda juga perlu membuat satu bayaran sekaligus (<i>bullet payment</i>) pada akhir tempoh pinjaman/pembiayaan. 	<p data-bbox="899 306 1395 390">Dalam jangka masa terdekat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana tidak perlu membayar selama 3 bulan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="948 422 1378 506">✓ Selepas program berakhir, anda perlu membayar ansuran bulanan mengikut ansuran bulanan semasa anda. <li data-bbox="948 537 1378 621">✓ Jumlah caj faedah/keuntungan/terma akan meningkat oleh sebab anda menyertai program ini. <li data-bbox="948 653 1378 737">✓ Anda juga perlu membuat satu bayaran sekaligus (<i>bullet payment</i>) pada akhir tempoh pinjaman/pembiayaan.

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.